

JPA.BK(S)193/127/7-63



**PELAKSANAAN PENILAIAN *ICT SKILL ASSESSMENT AND CERTIFICATION*
(ISAC) UNTUK MENGGANTIKAN UJIAN MENAIP (KEDERASAN 18 P.S.M) BAGI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
GRED N19 DAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**

**Sektor Penilaian Kompetensi
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 7, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. Putrajaya
MALAYSIA**

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PENILAIAN *ICT SKILL ASSESSMENT AND CERTIFICATION* (ISAC) UNTUK MENGGANTIKAN UJIAN MENAIP (KEDERASAN 18 P.S.M) BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 DAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Ujian Menaip (Kederasan 18 p.s.m) merupakan salah satu komponen/bahagian dalam Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Memandangkan skop tugas Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 yang semakin luas dan tidak lagi hanya tertumpu kepada kemahiran menaip atau menyediakan surat, Ujian Menaip (Kederasan 18 p.s.m) dilihat tidak lagi relevan dengan kepakaran semasa. Ini adalah kerana kaedah penilaian ujian ini hanya tertumpu kepada kecekapan menaip sahaja. Pegawai sepatutnya memiliki kemahiran dalam penggunaan asas teknologi dan komunikasi (ICT) seperti perisian *Microsoft Word, Powerpoint* dan *Excel*.

3. Oleh yang demikian, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017, Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA) telah menetapkan supaya Penilaian ISAC yang dijalankan oleh INTAN digunakan untuk menggantikan Ujian Menaip (Kederasan 18 p.s.m) bagi Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19.

3. Modul Penilaian ISAC merangkumi dua (2) bahagian seperti berikut:-

Bahagian	Perkara	Jumlah Soalan	Tempoh Masa
I	Modul Pengetahuan - Software - ICT Security - Inisiatif ICT Sektor Awam - Rangkaian dan Wifi - Government Mobility - Media Sosial	40 soalan objektif	20 minit

II	Modul Kemahiran - Mencari dan memperolehi maklumat menggunakan internet - Menyediakan dokumen pemrosesan atau dokumen persembahan berkaitan dengan pengendalian tugas-tugas asas - Berkomunikasi secara elektronik melalui emel	3 soalan kemahiran	40 minit
----	--	--------------------	----------

4. Bagi tujuan menduduki ujian ini, calon perlu memohon penilaian ini secara dalam talian melalui portal rasmi ISAC iaitu <http://disac.intan.my/isac>. Penilaian ini akan dilaksanakan oleh pihak INTAN di Kampus Bukit Kiara, Kampus Wilayah yang terpilih dan di Makmal Komputer Sektor Penilaian Kompetensi yang terletak di Presint 2, Putrajaya.
5. Untuk makluman Tuan/Puan, calon boleh menyemak keputusan penilaian ISAC secara dalam talian iaitu melalui ikon “Semakan Profil dan Keputusan”.
6. Maklumat lanjut mengenai penilaian ISAC bolehlah merujuk kepada portal rasmi ISAC seperti berikut <http://disac.intan.my/isac>.
7. Pertanyaan-pertanyaan lain bolehlah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Sektor Penilaian Kompetensi
Bahagian Perkhidmatan
Aras 7, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

No Telefon Urus Setia:

Encik Muhamad Fikrie bin Ahmad – 03-88855272
Puan Norakmal bin Fauzi- 03-88855265
Encik Shahirudin bin Saiidin- 0388855290